

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH / HARI : 08 FEBRUARI 2017 (RABU)

2  
**Perlu mohon permit  
sebelum gantung iklan**

SHAH ALAM - Orang ramai khususnya yang ingin mengiklankan produk, barangan dan perkhidmatan termasuk iklan penganjuran program dinasihatkan untuk mendapatkan permit iklan sementara, sebelum memasang sepanduk atau gegantung.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, pemantauan pihaknya mendapati sepanduk dan gegantung dipasang di tiang-tiang lampu, pokok, papan tanda nama jalan tanpa kebenaran.

Beliau berkata, perbuatan tidak bertanggungjawab itu menimbulkan gangguan semasa pemanduan kepada pengguna jalan raya, di samping mencacatkan pemandangan kerana sepanduk dan iklan tersebut ditampal secara tidak teratur.

"MBSA memandang serius perkara tersebut kerana ia mengelirukan pengguna jalan raya kerana iklan-iklan yang ditampal atau dipasang menutup papan tanda arah jalan tersebut.

"Bagi menangani masalah itu, kita jalankan operasi menurunkan iklan-iklan tanpa kebenaran pada sebelah pagi dan petang melibatkan anggota penguat kuasa di pejabat utama di Wisma MBSA serta anggota penguat kuasa yang ditugaskan

**Bagi tempoh tahun lalu, sebanyak 252,698 iklan-iklan yang dipasang tanpa kebenaran ditanggalkan MBSA.**" - Shahrin

di Pejabat Cawangan MBSA di Kota Kemuning, Sungai Buloh dan Setia Alam," katanya.

Shahrin berkata, bagi tempoh tahun lalu, sebanyak 252,698 iklan-iklan yang dipasang tanpa kebenaran ditanggalkan MBSA.

Katanya, antara iklan yang ditampal berkaitan dengan pinjaman wang, sewa lori, pusat tuisyen, lelong rumah, perubatan tradisional dan sebagainya.

"Pemasangan iklan tanpa kebenaran MBSA merupakan satu kesalahan di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007.

"Orang ramai khususnya syarikat-syarikat serta individu yang berhasrat mempromosikan perkhidmatan mahupun produk melalui pemasangan iklan-iklan perlu mendapat kebenaran MBSA sebelum membuat pemasangan iklan-iklan tersebut," katanya.



Penguatkuasa MBSA bertindak menurunkan iklan haram yang tidak mendapat kebenaran.